



**KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
IKLAN PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR**

1. Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan untuk **Cadangan Kerja-Kerja Penjajaran Semula Dan Baikpulih Paip Pembetulan Di KGA081 Taman Puteri Dan KGA131 Taman Sri Kluang, Kluang, Johor (Reka dan Bina).**

No. Tender : PETRA/JPP/KLUANG/KWSMP/2025/PreQ06

2. **KETERANGAN AM KERJA**

Lokasi tapak bina terletak di **Kluang, Johor.**

Skop kerja bagi projek ini merangkumi **pemasangan paip pembetulan (320 meter) & (243 meter), manhole dismantle and installation, nyahtauliah paip (decommission), temporary works (sheet pile walls), reinstatement works (new RC slab, hand railing, existing retaining wall, resurface existing precast concrete drain, premix and road kerb), testing and commissioning (CCTV inspection and cleaning of sewer pipes).**

Kerja dijangka akan dimulakan dalam bulan **Ogos 2026** dan tempoh penyiapan adalah **18 bulan.**

3. **SYARAT-SYARAT UNTUK PRA KELAYAKAN**

Permohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut :-

i) Pendaftaran Kontraktor

a) Kontraktor hendaklah mempunyai pendaftaran seperti berikut;

- (i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam

Gred	:	G5
Kategori	:	CE (Kejuruteraan Awam)
Pengkhususan	:	CE19 (Sistem Pembetulan) CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)

ATAU

- (ii) Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (UPKJ) dalam Kelas BX, Kepala I dan Sub-Kepala 1, Kepala IV dan Sub-Kepala 3 dan PPK

ATAU

- (iii) Pusat Pendaftaran Kontraktor - Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) Dalam Kelas B di Bawah Tajuk I dan Tajuk Kecil 1 & 5 dan PPK

DAN

- (iv) Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).
- (v) Mempunyai Sijil SCORE CIDB yang masih sah dengan minimum 2 Bintang.

Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dari menyertai tender TIDAK LAYAK untuk menyertai Pra Kelayakan ini.

Setiap pendaftaran seperti di perenggan (i), (ii), (iii), (iv) dan (v) hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup pra kelayakan.

- b) Mempunyai Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate (TCC)) dengan status **PATUH** yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta hendaklah masih berkuatkuasa pada tahun semasa iklan Pra-Kelayakan.
- c) Petender yang menyertai perolehan kerajaan adalah diwajibkan untuk menandatangani Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Perdagangan Orang dan Buruh Paksa (SA).
- d) Petender hendaklah melaksanakan Pengisytiharan Pemunya Benefisial (Beneficial Owners-BO) dengan mengemukakan borang perisytiharan BO untuk menyertai perolehan kerajaan yang bernilai melebihi RM50 ribu.

ii) Keupayaan Kontraktor

a) Keupayaan Kewangan

Mempunyai *Nett Worth* **melebihi 20% x NTBK** atau Modal Pusingan (*Working Capital*) **melebihi 10% x NTBK** atau Modal Mudah Cair **melebihi 3% x NTBK**.

b) Keupayaan Teknikal

- Telah melaksanakan projek-projek pembinaan dalam kategori yang sama dengan Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja tertinggi **tidak kurang dari 30% x Nilai Tahunan Bebanan Kerja (NTBK)** dalam sesuatu tahun bagi tempoh lima (5) tahun lepas. Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja adalah jumlah terkumpul nilai kerja projek-projek yang telah dilaksanakan atau disiapkan dalam sesuatu tahun.
- Tidak mempunyai kerja semasa yang 'sakit' serta bebas daripada rekod prestasi yang tidak memuaskan dari segi tempoh penyiapan dan kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam tempoh lima (5) tahun lalu.

iii) Perunding Kontraktor

Kontraktor hendaklah melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (*independent and not in-house consultants*) seperti berikut :-

- a) Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan.
- b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- c) Berdaftar dengan SPAN sebagai *Qualified Person* selaras dengan Seksyen 47(7) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)
- d) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia / Pejabat Pendaftar Syarikat
- e) Kontraktor perlu mengemukakan "*Declaration Letter*" bagi mengesahkan perunding yang dilantik adalah daripada syarikat perunding yang bebas.

4. Dokumen Pra Kelayakan boleh diperolehi di pejabat **Kaunter Jualan Tender, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Blok B, Aras 3, Suasana PjH, No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 WP Putrajaya** dari **3 November 2025 (Isnin) sehingga 7 November 2025 (Jumaat)** semasa waktu pejabat (**waktu operasi kaunter jualan dokumen tender : Isnin – Khamis (9.00 pagi – 12.30 tengah hari & 2.00 petang – 4.00 petang) dan Jumaat (9.00 pagi – 12.00 tengah hari & 2.45 petang – 4.00 petang)**).

Dokumen Pra Kelayakan akan hanya dikeluarkan kepada wakil atau ejen kontraktor yang diberi kuasa sahaja. Wakil atau ejen dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran di perenggan 3 (i)(a) dengan menunjukkan sijil/perakuan pendaftaran ASAL dan mengemukakan sesalinan (1) fotokopi sijil/perakuan pendaftaran tersebut untuk tujuan pembelian dokumen Pra Kelayakan.

5. Harga dokumen ialah **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja)** senaskah dan hendaklah dibuat **pembayaran secara perbankan atas talian menerusi sistem iPayment**. Pembayaran hendaklah dibuat di kaunter jualan tender setelah semakan bukti pendaftaran di perenggan 3 (i)(a) disemak. Yuran dokumentasi ini tidak akan dikembalikan.
6. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dengan dinyatakan nama projek dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat berikut :-

Peti Tender 2, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Blok B, Aras 3, Suasana PjH, No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 WP Putrajaya tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada 24 November 2025 (Isnin).